

Usah ulang sejarah hitam UMNO

Oleh MUHD. NIZAM ABD. HAMID
dan METRA SYAHRIL MOHAMED

KANGAR 8 Sept. – Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini mengingatkan bahawa sejarah hitam UMNO akan berulang sekiranya pucuk pimpinan parti diganggu gugat dan berlakunya pergeseran di peringkat kepimpinan.

Timbalan Presiden UMNO itu berkata, sejarah telah membuktikan bahawa UMNO menjadi lemah kerana masalah yang berlaku di kalangan pemimpin dan kesannya parti kehilangan beberapa kerusi dalam pilihan raya.

Parti lawan katanya, tidak kuat tetapi mereka mengambil kesempatan daripada kelemahan UMNO akibat perpecahan dalaman dan krisis kepimpinan.

“Jika UMNO sentiasa kukuh dan setia, kita tidak akan kalah,” katanya ketika merasmikan Persidangan Perwakilan UMNO Bahagian Arau dan pelancaran Gema Merah Putih di Dewan Wawasan 2020, di sini, hari ini.

Timbalan Perdana Menteri berkata, kesetiaan kepada pemimpin dan menyokong kepimpinan merupakan prinsip penting dalam sebuah parti yang diamanahkan membela nasib bangsanya.

um-9/9/2006
Sejarah telah membuktikan bahawa UMNO menjadi lemah kerana masalah yang berlaku di kalangan pemimpin dan kesannya parti kehilangan beberapa kerusi dalam pilihan raya

Bagi Najib, pergeseran di kalangan pemimpin membawa kesan yang besar terhadap parti seperti yang berlaku pada pemilihan pucuk pimpinan sebelum ini sehingga membawa kepada perpecahan dan pengharaman UMNO.

“Apabila saya dilantik (Timbalan Presiden) saya sokong tidak berbelah bahagi kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi (Presiden UMNO),” ujarnya.

Bagaimanapun kata Najib, sokongan yang ditunjukkan terhadap kepimpinan itu bukan bermakna beliau melupakan jasa bekas pemimpin dan tidak menyokong mereka lagi.

Ini kerana tegas beliau, pada satu-satu masa hanya perlu ada satu Perdana Menteri untuk disokong.

Dalam pada itu beliau turut mengingatkan ahli UMNO tentang tiga teras utama yang perlu menjadi penanda aras terhadap pencapaian parti itu

yang kini sudah berusia 60 tahun.

Tiga teras itu katanya, ialah pertambahan ahli parti, peningkatan jumlah ahli sebagai pengundi dan program membela rakyat yang aktif dan berterusan.

Tambahnya, tanda aras tersebut jika dicapai akan dapat memastikan kelangsungan UMNO dan sokongan berterusan daripada rakyat selain kesetiaan kepada pemimpin serta usaha menambah baik program sedia ada.

Pada majlis itu, Najib melancarkan Gema Merah Putih yang digerakkan oleh kerajaan negeri dalam usaha meningkatkan kecemerlangan dalam pelbagai bidang termasuk sukan dan pendidikan.

Hadir sama ialah Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kassim yang juga Ketua UMNO Bahagian Arau dan para pemimpin kanan UMNO negeri serta ketua-ketua jabatan agensi kerajaan negeri.

NAJIB TUN RAZAK
Timbalan
Presiden UMNO



NAJIB Tun Razak bersalaman dengan sebahagian daripada ahli Putera UMNO sebelum merasmikan Persidangan Perwakilan UMNO Bahagian Arau dan pelancaran Gema Merah Putih di Dewan Wawasan 2020 di Kangar, semalam.

— Gambar NIDZUWAN ZAINAL ABIDIN